



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E
Level 8, Block E8, Complex E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld. 10(87)
Tarikh : 23 April 2025

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 2
TAHUN 2025**

**PENYEDIAAN RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN SECARA DALAM TALIAN
MELALUI PELANTAR *DIGITAL EDUCATIONAL LEARNING INITIATIVE
MALAYSIA* BAGI KEGUNAAN GURU DI SEKOLAH BAWAH KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian Secara Dalam Talian (e-RPH) melalui Pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa)* bagi Kegunaan Guru di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Rancangan Pengajaran Harian (RPH) adalah dokumen utama yang disediakan oleh guru berdasarkan Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];

"Seseorang guru dalam suatu sekolah, kecuali sekolah gaya pos atau pusat pendidikan jarak jauh, hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu buku rekod dalam mana hendaklah direkodkan olehnya tidak lewat daripada hari akhir persekolahan setiap minggu dalam suatu penggal persekolahan, bahagian atau bahagian-bahagian sukatan pelajaran yang diluluskan yang akan diajar pada minggu berikutnya berkaitan dengan suatu mata pelajaran, dan buku rekod hendaklah dengan serta-merta diadakan untuk pemeriksaan oleh Ketua Pendaftar".

3. Penyediaan e-RPH ini mengambil kira keperluan semua guru pada peringkat prasekolah hingga menengah atas. Penggunaan e-RPH ini merupakan satu kaedah **pilihan** kepada guru dalam penyediaan RPH selain kaedah sedia ada.
4. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2025 bertarikh 13 Februari 2025 telah meluluskan Garis Panduan Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian Secara Dalam Talian (e-RPH) Kementerian Pendidikan Malaysia. Sistem e-RPH KPM ini dibangunkan untuk memudahkan penyediaan, penyimpanan, pencerapan dan pemantauan RPH. Sehubungan dengan itu, KPM telah menyediakan e-RPH melalui pelantar DELIMA yang dapat memudahkan guru menyediakan perancangan pengajaran harian secara lebih efisien dan sistematik. Di samping itu, e-RPH juga membolehkan pengetua/guru besar memantau dengan lebih mudah.
5. Guru boleh mengakses e-RPH dengan menggunakan nama pengguna (ID) DELIMA masing-masing melalui pelantar DELIMA. Guru perlu menyediakan dan menghantar e-RPH melalui Google Classroom. Pentadbir akan menyemak penghantaran e-RPH mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Garis Panduan Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian Secara Dalam Talian (e-RPH) Kementerian Pendidikan Malaysia ini boleh diakses dan dimuat turun di pelantar DELIMA.
6. Garis panduan yang disertakan bersama-sama surat siaran ini hendaklah dijadikan sebagai rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah bawah KPM.
7. Surat siaran ini hendaklah dibaca bersama-sama Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1999; Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran bertarikh 9 Mac 1999.
8. Surat siaran ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.


9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan semua sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**GARIS PANDUAN
PENYEDIAAN RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN
SECARA DALAM TALIAN (e-RPH)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2025**

BIL	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	3
2.0	OBJEKTIF	3
3.0	PERANAN	
3.1	Guru	3
3.2	Guru Penyelaras e-RPH	4
3.3	Pentadbir Sekolah (Pengetua/Guru Besar)	4
3.4	Pejabat Pendidikan Daerah	5
3.5	Jabatan Pendidikan Negeri	5
4.0	CARTA ALIR PENYEDIAAN e-RPH	
	LAMPIRAN 1 - Carta Alir Pembinaan <i>Classroom</i> e-RPH Pentadbir	6 - 8
	LAMPIRAN 2 - Carta Alir Penghantaran Maklumat e-RPH	9
	LAMPIRAN 3 - Carta Alir Penyediaan Tapak e-RPH	10
	LAMPIRAN 4 & 5 - Carta Alir Penulisan Rancangan Pengajaran Harian	11
	LAMPIRAN 6 - Carta Alir Penghantaran e-RPH	13
	LAMPIRAN 7 - Carta Alir Semakan Penghantaran e-RPH	14
5.0	LAMAN WEB PANDUAN PENYEDIAAN e-RPH	15

1.0 PENDAHULUAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan rancangan pengajaran harian secara dalam talian (e-RPH) melalui platform *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) bagi meringankan beban tugas guru dalam penyediaan rancangan pengajaran harian (RPH). e-RPH ini merupakan salah satu inisiatif bawah Teras 5, iaitu kebijakan guru sebagai teras keberkesanan penyampaian pendidikan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen KPM untuk meningkatkan kualiti pendidikan melalui teknologi dan keprihatinan terhadap kebijakan guru.

2.0 OBJEKTIF

e-RPH disediakan bertujuan;

- 2.1 Membantu guru menyediakan perancangan RPH secara lebih efisien dan sistematis;
- 2.2 Memudahkan pengetua/guru besar memantau e-RPH; dan
- 2.3 Meningkatkan perkongsian serta kerjasama antara guru dan pentadbir sekolah.

3.0 PERANAN

3.1 Guru

- i. menyediakan e-RPH seperti dalam **Lampiran 3, 4, 5 dan 6**;
- ii. memilih *classroom* di pelantar DELIMa mengikut kumpulan semakan pegawai penyemak (pengetua, guru besar, guru penolong kanan dan penyelia petang). Sebagai contoh, Guru A disemak oleh guru penolong kanan pentadbiran, Guru A perlu memilih Kumpulan e-RPH GPK;
- iii. menghantar e-RPH mengikut tarikh yang ditetapkan setiap minggu untuk semakan;

- iv. menyimpan dokumen e-RPH yang boleh diakses dan dicetak dengan mudah apabila diperlukan;
- v. mengisi e-RPH secara *offline* dan memuat naik dokumen tersebut apabila mempunyai akses internet;
- vi. merujuk kepada guru penyelaras e-RPH jika terdapat masalah dalam penyediaan e-RPH; dan
- vii. merujuk kepada guru penyelaras DELIMa sekolah masing-masing sekiranya mengalami masalah log masuk ke pelantar DELIMa.

3.2 Guru Penyelaras e-RPH KPM

- i. menyampaikan maklumat berkaitan penggunaan e-RPH KPM kepada semua guru dan pentadbir;
- ii. menyediakan *classroom* bagi semua peranan guru seperti dalam **Lampiran 1 dan 2**;
- iii. menetapkan tarikh akhir penghantaran RPH dalam sistem;
- iv. memberi bantuan teknikal kepada guru dan pentadbir dalam penggunaan e-RPH KPM jika perlu; dan
- v. merujuk kepada pegawai meja (Unit Sumber Teknologi Pendidikan) di pejabat pendidikan daerah (PPD) bagi isu teknikal peringkat sekolah berkaitan penggunaan e-RPH KPM.

3.3 Pentadbir Sekolah

- i. melantik guru penyelaras e-RPH KPM;
- ii. menggalakkan penggunaan e-RPH KPM kepada semua guru;
- iii. menyemak dan memantau penghantaran RPH seperti dalam **Lampiran 7**;
- iv. memastikan guru menyimpan dokumen RPH yang boleh diakses dengan mudah apabila diperlukan.
- v. memastikan pemantauan dilaksanakan dengan efektif; dan
- vi. memberi bimbingan dan latihan dalam penggunaan e-RPH KPM.

3.4 Pejabat Pendidikan Daerah

- i. bertanggungjawab sebagai pegawai meja (Unit Sumber Teknologi Pendidikan);
- ii. melaksanakan bimbingan dan latihan kepada sekolah yang menggunakan e-RPH KPM;
- iii. mengurus sebarang isu teknikal yang berkaitan dengan pengurusan e-RPH KPM pada peringkat daerah; dan
- iv. merujuk kepada pegawai meja di jabatan pendidikan negeri masing-masing bagi isu teknikal jika perlu.


3.5 Jabatan Pendidikan Negeri


- i. bertanggungjawab sebagai pegawai meja (Sektor Sumber Teknologi Pendidikan);
- ii. menyampaikan maklumat berkaitan penggunaan e-RPH KPM kepada semua guru penyelaras e-RPH KPM, pentadbir sekolah dan PPD.
- iii. melaksanakan bimbingan dan latihan kepada sekolah yang menggunakan e-RPH KPM;
- iv. mengurus sebarang isu teknikal yang berkaitan dengan pengurusan e-RPH KPM pada peringkat negeri;
- v. memantau pelaksanaan e-RPH KPM agar mematuhi garis panduan yang ditetapkan; dan
- vi. merujuk kepada pegawai meja di KPM (Sektor Pelantar Pembelajaran, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan) untuk mendapatkan bantuan teknikal jika perlu.

4.0


CARTA ALIR PENYEDIAAN e-RPH


LAMPIRAN 1








CARTA ALIR
PEMBINAAN CLASSROOM e-RPH PENTADBIR



LAMPIRAN 2**CARTA ALIR PENGHANTARAN MAKLUMAT e-RPH**


LAMPIRAN 3**CARTA ALIR PENYEDIAAN TAPAK e-RPH**


LAMPIRAN 4**CARTA ALIR PENULISAN RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN**

LAMPIRAN 5**CARTA ALIR PENULISAN RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN**

LAMPIRAN 6

CARTA ALIR PENGHANTARAN e-RPH



LAMPIRAN 7**CARTA ALIR SEMAKAN PENGHANTARAN e-RPH**

5.0 LAMAN WEB PANDUAN PENYEDIAAN e-RPH

Laman web ini boleh dilayari untuk mendapatkan maklumat berkaitan e-RPH melalui pautan bit.ly/siteerphkpm.



Pautan Laman Web e-RPH KPM:
<https://bit.ly/siteerphkpm>



Pautan Laman Web e-RPH KPM:
bit.ly/maklumat_erphkpm



Pautan e-RPH Prasekolah:
https://bit.ly/erph_prakpm



Pautan e-RPH Sekolah
Rendah:
https://bit.ly/erph_skkpm



Pautan e-RPH
Sekolah Menengah:
https://bit.ly/erph_smkpm

SOALAN LAZIM

Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian Secara Dalam Talian (e-RPH)

1. Apakah tujuan surat siaran ini?

Surat siaran ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penyediaan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) secara dalam talian melalui Pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMA) bagi kegunaan guru di sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Apakah itu Rancangan Pengajaran Harian (RPH)?

RPH adalah dokumen utama yang disediakan oleh guru berdasarkan Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Ia mengandungi sukatan pelajaran yang akan diajar pada minggu berikutnya dan perlu disimpan dalam buku rekod untuk pemeriksaan oleh Ketua Pendaftar.

Antara perkara yang perlu ada dalam penyediaan rancangan pengajaran harian:

2.1 Profil

- a) Mata Pelajaran;**
- b) Kelas;**
- c) Tarikh;**
- d) Masa;**
- e) Standard Kandungan;**
- f) Standard Pembelajaran;**

2.2 Objektif;

2.3 Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran; dan

2.4 Refleksi.

3. Siapakah yang perlu menyediakan e-RPH?

Semua guru dari peringkat prasekolah hingga menengah atas boleh menyediakan e-RPH sebagai kaedah **pilihan** selain kaedah sedia ada. Guru digalakkan untuk memilih dan menggunakan kaedah e-RPH KPM yang lebih sistematik dan mesra pengguna.

4. Adakah semua sekolah wajib menggunakan e-RPH sepenuhnya?

Pihak sekolah diberikan keluwesan dalam penyediaan e-RPH dan boleh meneruskan penyediaan RPH sedia ada sekiranya sesuai dan memenuhi perkara-perkara yang perlu ada dalam dokumen buku rekod pengajaran harian guru.

5. Bagaimanakah e-RPH membantu guru?

e-RPH membantu guru menyediakan RPH secara lebih efisien dan sistematik serta membolehkan pengetua/guru besar memantau dengan lebih mudah.

6. Bagaimanakah guru boleh mengakses e-RPH?

Guru boleh mengakses e-RPH menggunakan nama pengguna (ID) DELIMa masing-masing melalui pelantar DELIMa dan perlu menghantar e-RPH melalui Google Classroom.

7. Di manakah guru boleh mendapatkan garis panduan penyediaan e-RPH?

Garis panduan penyediaan e-RPH disertakan bersama-sama Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2025: Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian Secara Dalam Talian Melalui Pelantar _Digital Educational Learning Initiative Malaysia bagi Kegunaan Guru di Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain daripada itu, garis panduan ini juga boleh diakses dan dimuat turun daripada pelantar DELIMa

8. Apakah tindakan yang perlu diambil oleh pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah di bawah KPM bagi memastikan pelaksanaan kandungan surat siaran ini?

Pegawai di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah KPM perlu memastikan kandungan surat siaran ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab mengikut peranan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian Secara Dalam Talian (e-RPH) Kementerian Pendidikan Malaysia.

9. Adakah guru perlu mencetak e-RPH pada setiap minggu?

Ya. Guru perlu mencetak e-RPH pada setiap minggu berdasarkan Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Peraturan ini menyatakan bahawa setiap guru, kecuali yang mengajar di sekolah gaya pos atau pusat pendidikan jarak jauh, wajib menyimpan dan menyenggara buku rekod pengajaran. Buku rekod ini mesti direkodkan tidak lewat daripada hari terakhir persekolahan setiap minggu dalam suatu penggal persekolahan dan hendaklah tersedia untuk pemeriksaan oleh Ketua Pendaftar. Oleh itu, bagi mematuhi peraturan ini, guru perlu mencetak e-RPH sebagai rekod bertulis yang boleh diperiksa pada bila-bila masa.

10. Bilakah surat siaran ini berkuat kuasa?

Surat siaran ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh surat siaran ini dikeluarkan.